

Malaysia eksport kepakaran halal

KUALA LUMPUR 17 - Malaysia yang mempunyai piawaian pengesahan halal yang diiktiraf dunia, boleh mengesport piawaian itu ke negara luar, termasuk negara-negara bukan Islam.

Timbalan Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah berkata, langkah itu bukan sahaja dapat menjana pendapatan bagi negara, tetapi juga membantu menjayakan hasrat negara untuk menjadi pusat halal dunia.

"Saya merasakan usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat halal dunia harus meliputi usaha mengeksport piawaian halal Malaysia ke negara-negara lain," katanya .

Sijil halal yang dikeluarkan oleh Malaysia bukan sahaja mematuhi Syariah tetapi diiktiraf di dunia, katanya pada jamuan tengah hari bersama para pengarang media cetak dan elektronik, di sini sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2007

Husni berkata, Malaysia juga boleh membantu negara-negara terbabit membina kilang penyembelihan, melatih tukang sembelih ternakan yang mematuhi Syariah.

MIHAS 2007 yang dijadual berlangsung dari 9 hingga 13 Mei ini, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, diadakan sempena Minggu Halal Malaysia.

UM 18/7/2007

pg 18